

28 JAN 2002

Mahathir-Sukan

PENGANJURAN SUKAN ANTARABANGSA BUKTI MALAYSIA NEGARA SELAMAT

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penganjuran sukan bertaraf antarabangsa di negara ini, yang dapat menarik lebih ramai pelancong asing, membuktikan bahawa Malaysia sebuah negara yang selamat.

"Warga asing boleh datang ke sini dan menyaksikan keamanan, terima kasih kepada rakyat," katanya ketika merasmikan satu acara sukan ekstrem rangkaian televisyen ESPN di sini.

Dr Mahathir berkata beliau berbangga dengan usaha negara menganjurkan sukan bertaraf antarabangsa, yang dapat menarik lebih ramai pelancong asing ke Malaysia.

Semalam Dr Mahathir merasmikan dua kejohanan bertaraf antarabangsa - kejohanan Ironman Langkawi Malaysia Triatlon 2002 dan kejohanan Kart Rotax Max Akhir - di Pulau Langkawi.

Dr Mahathir berkata publisiti mengenai Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat akan dapat menarik lebih ramai pelancong asing dan seterusnya memberikan gambaran sebenar mengenai keadaan di negara ini.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan sentiasa menggalakkan golongan remaja terlibat dengan pelbagai kegiatan yang berfaedah termasuk aktiviti sukan lasak seperti kejohanan X-Games sukan ekstrem ESPN itu yang diadakan selama tujuh hari sehingga Ahad ini.

Sementara itu Pengarah Urusan ESPN Star Sports Rik Dovey berkata ESPN memilih Kuala Lumpur sebagai gelanggang sukan itu untuk selama tiga tahun sehingga 2004.

"Kami telah melihat sendiri tenaga, semangat dan keghairahan belia Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan terhadap sukan lasak dan ini membuatkan pemilihan Malaysia sebagai gelanggang seterusnya jelas dan mudah," katanya.

Beliau berkata acara itu akan disiarkan kepada 82 juta rumah di seluruh Asia dan 140 negara serta wilayah seluruh negara menunjukkan perhimpunan terbesar para atlit sukan lasak.

Asian X-Games Qualifier IV akan diadakan di KLCC dan memperkenalkan kira-kira 350 atlit utama sukan lasak yang akan bertanding dalam acara papan selaju, basikal stunt, luncur agresif, mendaki laju dan wakeboarding (yang menggunakan ski dan papan luncur air) .

Acara bagi kategori junior yang dimulakan pada 1999, akan mencontohi sukan peserta senior dan mengumpulkan 130 kanak-kanak berusia 14 tahun ke bawah.

-- BERNAMA

RZS AHH RON